



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

Laporan Penyelidikan

TINJAUAN AWAL MENGENAI PERSEPSI
MASYARAKAT ISLAM TERHADAP KONSEP
ISLAM HADHARI; KAJIAN DI LEMBAH KLANG

Perpustakaan KUIM



1000026079

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel: 06-7988407 Fax: 06-7988530

Laporan Penyelidikan

TINJAUAN AWAL MENGENAI PERSEPSI
MASYARAKAT ISLAM TERHADAP KONSEP
ISLAM HADHARI; KAJIAN DI LEMBAH KLANG

Kod: P(1)/C/2004

Kelompok: Sains Sosial dan Kemanusiaan

Kumpulan Penyelidik

Md Yunus Bin Abd. Aziz (Ketua)

(Fakulti Syariah dan Undang-undang)

Tel: 7988503

E-mail: yunus@admin.kuim.edu.my

Abd. Hamid Abdul Murad

(Fakulti Syariah dan Undang-undang)

Tel: 7988485

E-mail: hamid@admin.kuim.edu.my

Arif Fahmi Bin Mohd. Yusuf

(Fakulti Syariah dan Undang-undang)

Tel: 7988484

E-mail: afahmi@admin.kuim.edu.my

Nik Salida Suhaila Nik Saleh

(Fakulti Syariah dan Undang-undang)

Tel: 7988583

E-mail: salida@admin.kuim.edu.my

Tarikh

15 Oktober 2005

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel: 06-7988407 Fax: 06-7988530

Laman Web: www.kuim.edu.my

TINJAUAN AWAL MENGENAI PERSEPSI
MASYARAKAT ISLAM TERHADAP KONSEP
ISLAM HADHARI; KAJIAN DI LEMBAH KLANG

Kajian ini dilaksanakan atas biaya Dana Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Malaysia (Kod : P (1)/C/2004). Penyelidik ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh Universiti dan juga semua pihak bagi menjayakan kajian ini.

TINJAUAN AWAL MENGENAI PERSEPSI MASYARAKAT ISLAM TERHADAP KONSEP ISLAM HADHARI; KAJIAN DI LEMBAH KLANG

Kod: P(1)/C/2004

Kelompok: Sains Sosial dan Kemanusiaan

Abstrak

Konsep Islam Hadhari telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia dan diumumkan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Pada asasnya, konsep ini diperkenalkan untuk memberi gambaran sebenar mengenai Islam kepada masyarakat Islam khususnya dan masyarakat lain amnya di Malaysia. Pada masa ini terdapat pelbagai tafsiran mengenai Islam Hadhari yang ditonjolkan kepada umum oleh pelbagai pihak. Oleh itu kajian ini merupakan kajian awal (exploratory) untuk memahami persepsi masyarakat terhadap Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh kerajaan. Ia bertujuan untuk mengenalpasti kefahaman, sikap dan tanggapan masyarakat Islam mengenai Islam Hadhari yang diperkenalkan dan sumber maklumat mereka. Sasaran soal selidik telah dibuat ke atas masyarakat Islam di Lembah Klang dengan mengambilkira kepelbagaian latarbelakang pendidikan dan lokasi. Soal-selidik yang dikumpulkan telah dianalisa dan hasil dari analisa tersebut dikemukakan dalam laporan ini.

EARLY PERCEPTION OF THE COMMUNITY OF KLANG VALLEY TOWARDS THE CONCEPT OF “ISLAM HADHARI”

Cod: P (1)/C/2004

Cluster: Humanities and Social Science

Abstract

The concept of Islam Hadhari is introduced by Malaysian Government and announced by YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Basically, this concept is acquainted to give a clear picture of Islam to the Muslim society as a whole and also others in Malaysia. Currently, there are many interpretations of Islam Hadhari given to the society by individual or certain group of people. Therefore, this research is an exploratory and preliminary research to understand the perception of society towards Islam Hadhari introduced by the Government. It is aiming at ensuring the understanding, attitudes and perception of the Muslim society about Islam Hadhari including their source of information. The targeted respondent of this research are Muslim society in Klang Valley by considering their various background of education and location. Research questions that have been issued are gathered and analyzed. Finally, the result or finding of that particular analysis is stated and attached in this report.

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
KANDUNGAN	iii-iv
PENGENALAN	
Latar Belakang Kajian	1
Matlamat Kajian	2
Metodologi Kajian	2
Rumusan	3
BAB 1 PENGENALAN KEPADA ISLAM HADHARI	
1.1 Pendahuluan	4-6
1.2 Definisi	6-7
1.3 Matlamat	7-8
1.4 Ciri-Ciri	8-9
1.5 Islam Hadhari dan Masyarakat Progresif	9-10
1.6 Islam Hadhari dan Kemodenan	10-14
1.7 Kedudukan Islam Hadhari Dalam Perspektif Pemikiran Islam	14-15
1.7.1 Peranan Intelektual Islam Dalam Penerapan Islam Hadhari	15-16
1.7.2 Islam Hadhari Dalam Membina Tamadun Masakini	16-17

BAB 2 PRINSIP-PRINSIP ISLAM HADHARI

2.1	Keimanan Dan Ketakwaan Kepada Allah	18-19
2.2	Kerajaan Yang Adil Dan Beramanah	19-21
2.3	Rakyat Berjiwa Merdeka	22-24
2.4	Penguasaan Ilmu Pengetahuan	24-25
2.5	Pembangunan Ekonomi Seimbang Dan Komprehensif	25-26
2.6	Kehidupan Berkualiti	27-28
2.7	Pembelaan Hak Minoriti Dan Wanita	28-31
2.8	Keutuhan Budaya Dan Moral	31-32
2.9	Pemeliharaan Alam Semulajadi	32-33
2.10	Kekuatan Pertahanan	33-34

BAB 3 ANALISA KAJIAN DAN PERBINCANGAN

3.1	Metodologi Kajian	36
3.2	Dapatan Kajian	37
3.2.1	Bahagian A	37-39
3.2.2	Bahagian B	40-49
3.2.3	Bahagian C	50-57
3.2.4	Bahagian D	58-61
3.2.5	Bahagian E	62-65
3.3	Kesimpulan Dan Penutup	66

SENARAI RUJUKAN	67
------------------------	-----------

PENGENALAN

LATAR BELAKANG KAJIAN

Konsep Islam Hadhari telah diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia dan diumumkan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Tujuan konsep ini ialah untuk mewujudkan satu persepsi yang betul berkaitan dengan Islam yang menjadi anutan masyarakat Islam amnya dan masyarakat Melayu khususnya di Malaysia dalam menghadapi arus dunia global dan semasa.

Pada asasnya konsep ini diperkenalkan untuk memberi gambaran yang betul berkaitan dengan Islam kepada masyarakat Islam khususnya dan masyarakat lain amnya di Malaysia. Sejak kebelakangan ini terdapat pelbagai kejadian yang memberikan imej yang buruk kepada Islam. Ini tidak bermakna Islam itu adalah tidak sempurna tetapi hakikatnya penganut-penganut Islam tidak memahami dengan mendalam apa yang terkandung di dalam Al-Quran dan masyarakat juga tidak memahami apa yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW melalui hadith dan sunnah Baginda.

Pendekatan kerajaan yang kurang jelas mengenai konsep ini di peringkat awal telah menyebabkan persepsi yang berbeza di kalangan masyarakat hasil dari pandangan dan tafsiran yang dikemukakan oleh pelbagai golongan terhadapnya. Umum mengetahui bahawa masyarakat Islam di Malaysia sangat terdedah kepada tafsiran, gambaran dan pandangan yang pelbagai. Oleh yang demikian satu kajian perlu dilakukan untuk mengetahui sejauh manakah masyarakat faham mengenai konsep ini untuk dibuat kayu ukur terhadap kejayaan penerapannya di samping membetulkan lompang-lompang yang perlu.

MATLAMAT KAJIAN

Dalam pengetahuan kami, kajian secara ilmiah terhadap kefahaman masyarakat Islam di Lembah Klang tentang Islam Hadhari belum pernah diadakan, oleh itu kajian pantas ini ingin meneroka beberapa persoalan dan tujuan, antaranya ialah:

1. Untuk mengenal pasti sejauhmana maklumat masyarakat Islam mengenai Islam Hadhari.
2. Untuk mengetahui tahap kefahaman masyarakat Islam tentang apakah yang dimaksudkan dengan Islam Hadhari.
3. Untuk mendapat maklumat mengenai tanggapan mereka terhadap konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh kerajaan.
4. Untuk mengetahui sumber maklumat masyarakat dalam memahami sesuatu isu khususnya yang berkaitan dengan agama.
5. Untuk mengetahui dan mencadangkan langkah yang sepatutnya diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha menjayakan gagasan Islam Hadhari.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian awal (exploratory) untuk memahami persepsi masyarakat terhadap Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh kerajaan. Kajian ini dijalankan secara deskriptif. Ia dilakukan dalam bentuk kajian tinjauan (survey research). Kajian dijalankan hanya kepada masyarakat Islam di Lembah Klang. Maklumat lanjut akan dibincangkan di dalam Bab 3 nanti.

RUMUSAN

Kajian ini boleh dianggap penting memandangkan Islam Hadhari adalah satu gagasan yang besar yang memerlukan satu tindakan yang menyeluruh. Usaha penerangan yang betul kepada masyarakat akan menjadi satu momentum yang tepat untuk menjayakannya. Maklumat awal terhadap persepsi masyarakat terhadap konsep ini boleh dijadikan sebagai satu landasan untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan kempen dan penerangan yang telah diadakan setakat ini. Ia akan menjadi pembuka jalan kepada langkah yang seterusnya dalam usaha untuk menjayakan gagasan Islam Hadhari.

BAB 1

PENGENALAN KEPADA ISLAM HADHARI

1.1 PENDAHULUAN

Islam adalah sebaik-baik ajaran dan panduan dari Allah SWT untuk manusia sejagat. Manusia dijamin mendapat kesejahteraan di dunia dan akhirat sekiranya mengikut ajaran Islam secara keseluruhan, kerana syariat Islam meliputi segala aspek kehidupan manusia.

Firman Allah bermaksud: "Wahai orang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya." (Surah al-Baqarah, ayat 208)

Sebagai hamba Allah, manusia wajib menzahirkan kesyukuran kepada Allah yang Maha Mencipta, bermuhasabah dan bersedia merenung kelemahan diri. Sebagai hamba Allah yang sentiasa bertahmid dan bertasbih kepada Penciptanya, manusia bertanggungjawab melaksanakan tuntutan dan bertanggungjawab meletakkan Islam di mercu kemuliaan.

Firman Allah bermaksud: "Wahai orang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juga) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan." (Surah al-Maidah, ayat 8)

Kerana itu dakwah Islam harus disampaikan secara penuh hikmah, dengan memberi peringatan, nasihat, disampaikan dengan baik melalui dialog ilmiah dan pertukaran fikiran. Perjanjian Hudaibiyah adalah pengajaran besar yang wajib dijadikan petunjuk, betapa kejernihan hati nurani umat Islam di bawah pimpinan Rasulullah SAW yang berpegang kepada prinsip bahawa peperangan dan kekerasan bukan satu jalan pintas yang boleh membawa kejayaan. Kalimah-kalimah Allah yang terkandung di dalam al-Quran disampaikan dengan penuh berhikmah, menyeru, menegur, memperingatkan dan menasihati manusia ke jalan kebaikan yang menuju kedamaian dan mendapat keredaan Ilahi.

Pelbagai pendekatan dan kaedah pembangunan fizikal seperti prasarana dan ekonomi, serta pembangunan manusia diperkembangkan dengan lebih seimbang dan menyeluruh. Gabungan program pendidikan yang komprehensif, program pembangunan rohani untuk menyemai nilai murni dan menerapkan nilai Islam dalam kehidupan adalah cara terbaik memupuk nilai-nilai murni dalam masyarakat. Warisan dan tamadun Islam yang memperlihatkan kejayaan umat Islam dalam semua bidang pula dijadikan rujukan dan sumber inspirasi untuk memajukan bangsa Melayu.

Islam Hadhari adalah agenda pembangunan yang selaras dengan tuntutan Islam melalui pendekatan seimbang dalam aspek-aspek spiritual, ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan, undang-undang dan sebagainya dan telah dirancang agar lebih praktikal dalam dunia hari ini. Ia adalah konsep Islam syumul dengan penekanan kepada pembangunan ekonomi dan tamadun secara menyeluruh serta berupaya menjadi penggerak dan pendorong kepada peningkatan daya saing bangsa Melayu.

Melalui pendekatan Islam Hadhari, negara akan melahirkan umat yang berilmu dan beriman, bertamadun tinggi, berakhlak mulia, jujur lagi amanah serta bersedia menangani cabaran dunia semasa. Pintu ijtihad juga harus sentiasa dibuka selebar-lebarnya untuk dirintis pemikir ilmu usul fiqh supaya tafsiran yang

diwarisi dapat dikaitkan dengan bentuk dan corak pembangunan mengikut masa dan tempat.

Amatlah penting umat Islam memahami dan menghayati Islam sebagai sistem kehidupan menyeluruh untuk menggerakkan pembinaan satu tamadun kehidupan menyeluruh yang bijak mengimbangkan tanggungjawab dunia dengan akhirat. Islam bukanlah satu ritual kerana ritualisme memberi tumpuan kepada akhirat semata-mata. Islam mestilah dihayati sebagai sistem yang mengintegrasikan kehidupan duniawi dan persiapan ukhrawi. Malahan, tidak akan wujud jiwa merdeka sekiranya faktor duniawi menjadi lebih utama dan menafikan kepentingan faktor ukhrawi.

1.2 DEFINISI

Dari segi istilah, Hadhari membawa maksud 'yang bertamadun' atau 'Islam yang menekankan aspek tamadun'. Dalam bahasa Inggeris ianya disebut sebagai 'Civilizational'. Pemahaman istilah Islam Hadhari secara mudah dalam Bahasa Inggeris ialah 'Civilizational Islam' atau 'Civilizational Approach' atau 'Comprehensive Civilizational Approach to the Development of Islam in Malaysia'. Dalam Bahasa Arab, ia disebut sebagai 'Al-Manhaj Al-Hadhari Fi Tanmiyyati Al-Islam Fi Malizia'.¹

Manakala takrif Islam Hadhari secara lengkap ialah: "Suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara yang bersifat menyeluruh, berdasarkan kepada perspektif tamadun Islam".²

Islam Hadhari membawa maksud ajaran Islam yang membawa fokus kepada kehidupan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat bertamadun dan mempunyai peradaban yang unggul bagi menghadapi cabaran alaf baru seperti

¹ Abdul Kadir, Zainal Abidin. 2004. *Pembudayaan Islam Hadhari di Malaysia; Satu Ulasan*, Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia. hal. 18

² t.p.. 7 Febuari 2005. "Islam Hadhari". <http://www.islam.gov.my>. hal. 1.

ledakan maklumat, dunia tanpa sempadan, ekonomi global, budaya materialisme, krisis identiti, jati diri serta penjajahan pemikiran. Pendekatan Islam Hadhari, tidak menolak pentingnya aspek ritual dalam pembinaan tamadun. Ini kerana pandangan hidup, sistem nilai, kestabilan jiwa dan kemajuan rohaniah merupakan tonggak kepada pembinaan tamadun yang luhur.³

Islam Hadhari juga dikatakan “suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh, berdasarkan kepada ruang lingkup tamadun Islam, bagi melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan spiritual, (rohani) akhlak, intelektual dan material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan (futuristik), inovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, objektif dan praktikal”⁴.

Islam Hadhari adalah Islam yang komprehensif dengan penekanan kepada pembangunan ekonomi dan tamadun menyeluruh dan akan menjadi warisan dan tamadun Islam yang memperlihatkan kejayaan cemerlang umat Islam masa lampau sebagai pendorong kepada pembangunan dan kemajuan tamadun umat Islam masa kini dalam semua bidang kehidupan.

1.3 MATLAMAT⁵

Visi Islam Hadhari adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh, iaitu sebuah negara maju mengikut acuan sendiri.

Konsepnya ialah sebuah negara yang mempunyai masyarakat membangun dan memiliki ilmu, berkemahiran dan berketrampilan serta tergambar sebagai golongan yang berakhlak, berbudi dan berbudaya yang berpaksikan kepada kepercayaan agama disamping melaksanakan agenda pembangunan negara

³ supra, note 2

⁴ Baba, Sidek. 12 Ogos 2004. “Mengenal Islam Hadhari”. <http://www.yadim.com.my>. hal. 1

⁵ supra, note 2

dan ummah berlandaskan pendekatan Islam yang universal, maju, bertamadun, bertoleransi dan seimbang.

Objektif Islam Hadhari adalah bagi melahirkan individu dan masyarakat yang mempunyai kekuatan spiritual (rohani) serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai selain dapat menghasilkan penyelidikan bermutu untuk penyebaran pengetahuan ke arah pemantapan budaya ilmu dan pembentukan masyarakat progresif.

1.4 CIRI-CIRI

Dalam konteks pelaksanaan Islam Hadhari di Malaysia, terdapat ciri-ciri asas yang dibina, iaitu⁶:-

1. Bersumberkan ajaran Ilahi
2. Urus tadbir yang baik
3. Kehidupan yang maju
4. Peningkatan kualiti hidup
5. Keutuhan integriti
6. Dinamik
7. Menyeluruh
8. Praktikal
9. Berdikari
10. Masyarakat yang berjiwa bebas, kreatif dan inovatif
11. Penguatan institusi keluarga

Islam Hadhari ialah satu pendekatan untuk mengangkat dan menjulang martabat Islam yang merupakan agama yang paling tinggi. Hasrat untuk menggapai mercu tersebut tidak tercapai tanpa sesuatu alat yang boleh menaikkan

⁶ Abdul Kadir, Zainal Abidin. 2004. *Pembudayaan Islam Hadhari di Malaysia; Satu Ulasan*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia. hal. 24-27.

semangat dan mendorong ke arah tersebut. Malaysia memperkenalkan Islam Hadhari yang mampu membuka mata negara Islam yang lain semata-mata untuk membawa anjakan paradigma dalam dakwah di zaman dunia tanpa sempadan ini.

1.5 ISLAM HADHARI DAN MASYARAKAT PROGRESIF

Perlembagaan Malaysia memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi atau agama persekutuan. Sejarah dan perkembangan budaya masyarakat Melayu dan keturunan lain banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai Islam atau nilai-nilai bersama yang membolehkan tumpuan melaksanakan cita-cita Islamiah secara berperingkat-peringkat dan dalam masa yang sama tidak menghalang penganut agama lain mempunyai kebebasan beragama.

Islam ialah agama yang mendukung faktor ilmiah (universal). Rasulullah SAW diutuskan sebagai pembawa rahmat bagi seluruh alam. Faktor alamiah ini telah membuktikan Islam berkembang sebagai suatu tamadun besar dan kemajuannya diterima oleh orang-orang Barat atau Eropah. Ilmuan Islam juga mengamalkan tradisi 'lita'arafu' atau kekenalan yang menyebabkan suburnya sikap terbuka untuk berkongsi aspek-aspek positif tamadun lain iaitu Barat dan Timur. Darinya wujud sifat saling memerlukan (reciprocity) yang menyebabkan tamadun Islam mampu berkembang hampir 700 tahun.

Isunya, asas apa yang telah menyebabkan ilmu sains dan teknologi Islam boleh diterima di Barat kalau tidak kerana manfaat dan sifat-sifat alamiahnya. Bagaimana pula Islam boleh berkembang ke seluruh alam ini kalau tidak kerana kemampuan agama ini melakukan adaptasi budaya dan tradisi yang didapati tidak bercanggah dengan prinsip dan akidah Islam.

Surah al-Hujurat (ayat 13) memberikan asas yang baik mengenai wujudnya kepelbagaian dalam kejadian manusia. Asas 'lita'arafu' atau kekenalan menjadi

obor penting kepada kekuatan Islam. Islam berkembang di negeri China jauh lebih awal berbanding di alam Melayu. Islam pernah membina kerajaan besar di India sebelum pengaruh Hindu dan kerajaan yang bukan Islam menguasai negara itu. Umat bukan Islam boleh mengamalkan agama masing-masing dengan selamat di bawah kemajuan Islam di Andalusia.

Malaysia yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum tidak sewajarnya menjadi masalah untuk mengembangkan tamadun Islam. Faktor dan maqasid syariah tidak harus dilihat sebagai langkah ekstrim dalam melaksanakan kebaikan dan kepentingan hidup manusia. Bank Islam Malaysia, kaunter-kaunter dan keupayaan bank-bank konvensional melakukan operasi mengikut kaedah yang tidak bercanggah dengan syarak adalah bukti yang baik tanpa meninggalkan mudharat walaupun faktor syarak menjadi tonggak kekuatannya.

Hal-hal ini sekiranya dapat dikenalpasti tentunya bersifat menyumbang terhadap proses pengkayaan tamadun. Jelas sekali bahawa pendekatan Islam Hadhari adalah suatu pendekatan yang komprehensif di mana pencapaian pembangunan ekonomi negara mampu menjana kepada wujudnya sebuah masyarakat yang bertamadun dan progresif.

1.6 ISLAM HADHARI DAN KEMODENAN

Memahami konsep Islam Hadhari adalah dengan memahami konsep deen seutuhnya. Deenul Islam bertitik-tolak daripada akidah, ibadat, syariah, akhlak dan sebagainya bagi membentuk cara hidup yang menyeluruh. Tetapi, umat dan penganutnya tidak demikian. Proses didik dan sejarah serta corak ilmu, orientasi budaya dan tradisi menyebabkan sebahagian manusia mengamalkan cara hidup yang baik. Sementara sebahagian lagi bercampur aduk antara faham tradisi, adat dan kebiasaan. Ada yang namanya saja Islam, tetapi pemikirannya amat liberal atau sekular sehingga menyebabkan kefahaman dan pemikiran Islamnya amat terbatas.

Pendekatan Hadhari adalah untuk memberikan orientasi ketamadunan terhadap umat Islam itu sendiri. Islam sebagai agama syumul didukung oleh umatnya dengan pelbagai orientasi. Ada yang menghubungkan Islam sebagai agama warisan dan keturunan hingga menyebabkan timbulnya fahaman yang menyalahi akidah dan boleh membawa syirik. Ada juga yang mengambil pendekatan 'tabligh' dan siasi atau politik dalam skop yang terbatas. Keadaan itu menyebabkan ruang lingkup Islam tidak dicernakan secara menyeluruh. Malah, maksud dakwah menjadi terbatas.

Ada pula yang memahami Islam secara liberal sehingga hilang integriti kesyamilan Islam itu sendiri. Kelompok liberal ini semakin membesar sehingga wujud ketidakjelasan antara paradigma Islamnya dengan Barat dan sekularnya.

Ramai juga mengambil pendekatan haraki atau gerakan yang menekankan perubahan menerusi jendela dakwah dan tarbiah, tetapi masih sempit dengan faham kekelompokannya.

Selepas peristiwa 11 September 2001, landskap politik kuasa Barat mengambil perubahan radikal terhadap umat Islam. Islamophobia menjadi isu sehingga Islam dikaitkan dengan keganasan, radikal, fundamentalisme dan label negatif yang menyebabkan serangan terhadap Islam dan umat berlaku dalam keadaan tidak adil.

Globalisasi yang menjadi pemangkin kepada proses pembaratan semacam sedang melakukan 'pembersihan kebudayaan' di mana-mana. Instrumen globalisasi menyuburkan tamadun kebendaan Barat, sekali gus menghasilkan masyarakat hedonistik (suka berseronok dan berhibur) yang bercanggah dengan nilai yang fitrah.

Globalisasi bukan hanya sekadar suatu slogan, tetapi perancangan strategik Barat bagaimana untuk menjadikan masyarakat bukan Barat, khususnya orang Islam sebagai sasaran penjajahan bentuk baru. Kekuatan teknologi langit terbuka yang menghasilkan teknologi komunikasi dan telekomunikasi, rangkaian hegemoni atau penguasaan sistem kewangan dan ekonomi dalam Tabung Mata Wang Antarabangsa, Bank Dunia dan sebagainya, adalah contoh bagaimana Barat mengatur langkah agresif supaya konsep dunia tanpa sempadan akan dapat dicapai. Akhirnya, proses pembaratan boleh berlaku dalam semua lapangan. Inilah cabaran terbesar yang sedang dihadapi oleh umat Islam kerana secara jangka panjangnya umat dan agamanya akan menghadapi gugatan dan ancaman luar biasa.

Apabila menyebut mengenai pertembungan tamadun (Clash of Civilization) sebagai agenda utama abad ini, ia mencetuskan polemik pro dan kontra. Ada benarnya, jika ia dilihat dari sudut 'pemaksaan' tamadun kebendaan liberal Barat terhadap umat beragama atau mempunyai tradisi kepercayaan. Lebih-lebih lagi, terhadap Islam yang pernah suatu ketika dulu memimpin Barat dalam tamadun ilmu pengetahuan selama hampir 700 tahun.

Begitu pun, wujud sikap berlengah-lengah di kalangan umat Islam kerana mengungkapkan Islam secara nostalgik atau kekaguman terhadap tamadun silam. Keadaan itu menyebabkan berlakunya pengabaian terhadap pembangunan perubahan dan pemikiran. Ia tidak saja menekankan kepentingan aspek rohaniah, malah sekali gus menguasai ilmu mengurus sistem.

Amat kurang ditemui usaha membangunkan sistem pendidikan yang asas ilmu mengurus diri disepadukan dengan ilmu mengurus sistem dan aspek nilai dan akhlak. Begitu juga sistem yang mengambil kira aspek kemodenan dan perubahan bermanfaat.

Strategi Islam Hadhari cuba mengungkapkan kembali Islam dalam erti kata yang luas. Ia mencakupi aspek utama seperti pembangunan iman dan ketakwaan serta pendekatan membangun negara maju dan pemerintahan adil. Aspek lain adalah masyarakat berjiwa bebas, penguasaan ilmu pengetahuan, kualiti hidup tinggi, keutuhan nilai dan moral awam serta ketangkasan pertahanan dan keselamatan dan masyarakat majmuk.

Landskap sosio-ekonomi-politik yang baru tentu memerlukan pengungkapan bijaksana bagaimana ghairah globalisasi dapat diimbangi dengan Islam yang komprehensif supaya wujud keseimbangan antara pengaruh luaran dengan usaha mengukuhkan nilai dan keteguhan masyarakat berasaskan acuan kita sendiri.

Malaysia tidak dapat mengelak untuk terus membangun dan maju. Sebahagian pengaruh yang amat mendesak dan mampu mencairkan jati diri serta integriti umat adalah rempuhan faktor luaran yang amat sengit.

Oleh itu, amat perlu pemikiran semula dibuat, strategi baru dibangunkan dan pendekatan bijaksana diatur. Hal itu supaya Islam sebagai suatu agama yang pernah menempa tamadun, mampu tampil semula dalam arus perubahan dunia yang sedang kehilangan pedoman.

Justeru, kekuatan akidah dan iman serta kualiti diri yang dibangunkan berasaskan keteguhan ilmu bersepadu, berjiwa merdeka, kepentingan keadilan dan moral, harus menjadi orientasi dalam proses pendidikan dan pembangunan masyarakat.

Di sini, pentingnya paradigma Hadhari disuburkan supaya umat Islam mempunyai pilihan terbaik untuk menjadi masyarakat maju, tetapi tetap teguh dengan acuannya sendiri. Ia memerlukan tekad dakwah dan tarbiah yang tinggi

dan penuh bijaksana di tengah konflik yang payah reda supaya momentum Islam tetap subur dan dirasakan kewujudannya.

1.7 KEDUDUKAN ISLAM HADHARI DALAM PERSPEKTIF PEMIKIRAN ISLAM

Pemikiran Islam ialah ijtihad akal manusia yang menafsirkan pengetahuan umum berdasarkan prinsip-prinsip Islam⁷. Ia juga boleh diertikan sebagai gagasan, idea dan fikiran yang bersumberkan Islam dan juga merupakan tindakbalas intelektual terhadap persoalan Tuhan, manusia, alam dan kehidupan yang timbul akibat pertembungan Islam dengan kebudayaan dan peradaban asing atau terhadap masalah dalaman umat Islam⁸.

Polemik pemikiran Islam disandarkan kepada Hadhari telah berlangsung antara dua tokoh pemikir Islam abad 20M, iaitu Sayyid Qutb dari Mesir dan Malik bin Nabi dari Algeria. Sayyid Qutb pernah menggugurkan perkataan Hadhari yang digunakan untuk tajuk sebuah bukunya iaitu 'Nahwa Mujtama' Islam Mutahaddir' (Ke Arah Masyarakat Islam Yang Hadhari). Beliau membuang perkataan 'mutahaddir' atas alasan frasa 'mujtama' Islami' sudah cukup menggambarkan keseluruhan dan kesempurnaan Islam.⁹

Malik bin Nabi yang menggunakan perkataan 'mutahaddir' (Hadhari) untuk dinisbahkan kepada Islam tidak dikritik oleh Al-Qaradawi.¹⁰ Tetapi beliau menerima pandangan Sayyid Qutb bahawa Islam adalah peradaban unggul yang menjadi kayu ukur bagi tamadun-tamadun lain.¹¹

⁷ Abd. Al-Hamid, Mohsin. 1996. *Tajdid al-Fikr al-Islami*. U.S.A, hal. 41.

⁸ Al-Bahi, Muhammad. 1971. *al-Fikr al-Islamifi Tatawwurihi*. Kaherah, hal. 3.

⁹ Qutb, Sayyid. 1967. *Ma'alim fi al-Tariq*. hal. 105-122.

¹⁰ Abd. Majid, Muhamad Kamil. 2004. "Islam Hadhari Dari Perspektif Pemikiran Islam". (Kertas kerja) *Seminar Antarabangsa Islam Hadhari* anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur. 24 –25 Nov.

¹¹ Al-Qaradawi, Yusuf. 2000. *Hajat al-Basyariyyah ila al-Risalah al-Hadhariyyah li Ummatina*. Kaherah : Maktabah Wahbah, hal. 70-71.

Menyandarkan Islam kepada istilah Hadhari adalah tidak salah, malah menjadi keperluan kepada umat Islam kini yang memerlukan seluruh kemampuan dan pendekatan ke arah memperteguhkan amalan dan akidah kepada Allah s.w.t. Al-Qaradawi menyebut juga bahawa segala potensi dan kebolehan umat Islam perlu disatukan dengan satu tunjang kekuatan. Menuju ke arah itu, umat Islam perlu memuhasabah diri, untuk mencari pendekatan yang paling sesuai.¹² Istilah Islam Hadhari yang menumpukan kepada sebuah kehidupan yang akan dibangunkan tidak ada salahnya.

Dalam perspektif pemikiran Islam, Islam Hadhari ialah Islam yang menguasai teori dan praktikal. Ia juga merupakan usaha yang dilakukan oleh sesuatu pihak atau pemimpin untuk memberi pemahaman yang mendalam dan menyeluruh tentang kehidupan yang nyata, menggalakkan umat Islam membuka mata, mengaitkan kemajuan dan pembangunan sebagai salah satu fenomena yang harus berlaku dalam kecemerlangan tamadun Islam berteraskan sistem nilai dan agama.

1.7.1 Peranan Intelektual Islam Dalam Penerapan Islam Hadhari

Intelektual Muslim adalah mereka yang dikurniakan Allah akal yang cerdas berdasarkan ilmu pengetahuan, menguasai bidang-bidang yang lain dari pengkhususan mereka dan memanfaatkannya dalam arus pemikiran dan pembangunan. Mereka juga harus mempunyai santun yang tinggi berasaskan syariat dan akhlak.

Di dalam kelompok intelektual Malaysia, terdapat pelbagai lapangan ketrampilan, sebagai contoh, pentadbiran, politik, komunikasi, ekonomi, undang-undang, kebudayaan, keagamaan dan lain-lain. Mereka mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam pembangunan

¹² Al-Qaradawi, Yusuf. 1997. *al-Sahwah al-Islamiyyah wa Humum al-Watan al-Arabi wa al-Islami*. Kaheerah, hal. 66. Abu Sulayman, Abd. Al-Hamid. 1994. *Azmah al-Aql al-Muslim*. U.S.A., hal. 97-102.

masyarakat dan Islam Hadhari. Antara peranan mereka ialah memantapkan, menyebarkan dan mengawasi konsep Islam Hadhari.¹³

Pemantapan Islam Hadhari boleh dilakukan dengan menyebarkan pemikiran Islam, iaitu satu corak idealisasi bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Ianya berbentuk pendekatan dalam konteks individu dan masyarakat dari perspektif akidah, ibadah, ekonomi, politik, pendidikan dan masalah masyarakat seluruhnya. Penyebaran Islam Hadhari pula boleh dilakukan dengan pelbagai cara sama ada formal atau tidak formal.

1.7.2 Islam Hadhari Dalam Pembinaan Tamadun Masakini

Malaysia amat sesuai mengenengahkan konsep Islam Hadhari dalam pembinaan tamadun masakini kerana beberapa faktor yang penting.

Antaranya ialah dari aspek ekonomi, Malaysia mampu berdiri sendiri tanpa perlu bergantung kepada hutang-hutang dunia yang besar berbanding negara-negara Asia lain. Bangsa Malaysia juga harus melihat ekonomi yang semakin berkembang sebagai satu tuah yang dikurnia hasil dari kerja kuat setiap golongan masyarakat. Menidakkan diri dari kebolehan meningkatkan sumber ekonomi dan terlepas peluang dalam meraih aset-aset yang sepatutnya, merupakan kesilapan besar yang tidak harus berlaku kerana faktor ekonomi merupakan antara yang terpenting dalam pembinaan Islam Hadhari.

Dari segi pembangunan sumber manusia, Malaysia berjaya melahirkan tenaga yang pakar dan berkomitmen tinggi dalam jumlah yang besar, malah mampu menghulur bantuan kepada negara-negara jiran. Dalam

¹³ Mat Diah, Abdul Halim. 2004. "Peranan Intelktual Islam Dalam Penerapan Islam Hadhari" (Kertas kerja) *Seminar Antarabangsa Islam Hadhari*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 24-25 Nov.

mengembangkan Islam Hadhari, Malaysia harus menumpukan kepada modal insan yang berketrampilan. Oleh itu, institusi-institusi ilmu harus berkembang dengan pantas dan relevan kepada kehendak kemajuan dan pembangunan. Rakyat Malaysia harus membesar dalam budaya ilmu yang tinggi dan tidak ada seorang individu pun yang harus dinafikan haknya dalam menimba ilmu pengetahuan kerana kebijaksanaan dan nilai-nilai murni adalah merupakan asas pembangunan tamadun Islam.

Malaysia mempunyai sistem politik yang stabil dan kondusif. Kepimpinan yang utuh dan sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap institusi agama dalam membantu meneguhkan struktur negara dan di atas faktor ini jugalah Malaysia dianggap negara yang paling tepat untuk membuka mata negara-negara luar dalam pembinaan tamadun dengan pendekatan Islam Hadhari.

Melihat kepada isu sosial dewasa ini, Malaysia yang merupakan sebuah negara yang tidak sebesar mana, dianggap mempunyai masalah sosial yang kecil dibandingkan dengan negara-negara lain yang mempunyai kapasiti penduduk yang besar dan ditambah pula dengan keadaan ekonomi yang kurang mantap. Malaysia juga merupakan sebuah negara yang aman dan selamat dan faktor-faktor ini banyak membantu kejayaan negara merealisasikan pengenalan Islam Hadhari.

Setiap golongan masyarakat juga tidak harus meminggirkan peranan yang perlu dimainkan dalam merealisasikan tamadun yang tinggi ini. Kesungguhan memberi iltizam, menunaikan tanggungjawab yang sebenarnya terhadap negara dan agama akan menghasilkan satu kelompok masyarakat yang dinamik, holistik dan akan membina kondisi sosial masyarakat yang sentiasa terdorong bagi mengembangkan Islam Hadhari.

BAB 2

PRINSIP-PRINSIP ISLAM HADHARI

2.1 Pertama: KEIMANAN DAN KETAKWAAN KEPADA ALLAH

Bagi orang Islam pendekatan Islam Hadhari meletakkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah sebagai teras utamanya manakala al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW sebagai teras pegangan dan rujukannya. Gabungan kemantapan kepercayaan, perundangan, akhlak, moral dan nilai-nilai murni adalah teras perancangan dan pelaksanaan pembangunan diri dan pengurusan sistem untuk mencapai umat yang berkualiti dan negara yang cemerlang. Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam Surah al-A'raaf: 96,

Maksudnya: "Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."

Ayat ini jelas mengingatkan umat manusia supaya sentiasa patuh kepada amalan seperti yang dikehendaki syariat demi keharmonian dan kemakmuran sesebuah masyarakat kerana keangkuhan akan membawa kemusnahan kepada apa yang pernah mereka usahakan.

Pada prinsipnya penentuan pegangan agama atau akidah bagi mereka yang berada di luar Islam terbahagi kepada dua iaitu tiada paksaan dalam agama dan kebebasan dalam menganut agama masing-masing seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah: 256,

Maksudnya: "Tidak ada paksaan dalam agama (Islam)."

Dan dalam Surah al-Kaafiruun: 6, Allah SWT berfirman,

Maksudnya: "Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku."

Keimanan kepada Allah bererti pembebasan manusia dari belenggu nafsu dan pengabdian terhadap manusia. Orang yang telah mendapat kebebasan ini sudah pasti lebih mampu, bertenaga, jujur dan dedikasi. Ketakwaan kepada Allah pula merupakan kesedaran hati yang menjadi benteng dari hanyut dalam arus nafsu sehingga ia dapat bertahan dengan prinsip kesucian.

Syariat Islam meliputi segala aspek kehidupan manusia. Manusia dijamin mendapat kesejahteraan di dunia dan akhirat sekiranya mengikut ajaran Islam secara keseluruhan,

Firman Allah bermaksud: "Wahai orang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya." (Surah al-Baqarah, ayat 208)

Allah juga berfirman yang bermaksud: "Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untuk menyembah kepada Ku." (Surah az-Zaariyat, ayat ke 56). Ini menunjukkan bahawa manusia dicipta untuk menghambakan diri kepada Allah SWT selain diperintahkan untuk menurut ajaran Islam yang diturunkan kepada Rasul junjungan untuk mencapai matlamat di atas.

2.2 Kedua: KERAJAAN YANG ADIL DAN BERAMANAH

Adil adalah memberi yang hak kepada yang berhak akan haknya, mengikut kadar masing-masing. Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam Surah an-Nahl: 90,

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya”.

Ayat ini menunjukkan bahawa sebuah kehidupan yang baik itu bermula dengan berlaku adil iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya selain berbuat baik sesama makhluk Allah, saling bantu-membantu dan menjauhi kezaliman. Pelaksanaan keadilan tidak melihat kepada keturunan, warna kulit, bangsa, kedudukan, miskin, kaya atau perbezaan agama.

Ini bersesuaian dengan peruntukan dalam al-Qur'an dan Hadis Rasulullah SAW. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Maa'idah: 8,

Maksudnya: “Dan jangan sekali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

Dan hadis Nabi SAW diriwayatkan oleh Bukhari maksudnya,

“Sekiranya (anakku) Fatimah mencuri nescaya aku akan memotong tangannya”.

Amanah pula bermaksud menunaikan segala tanggungjawab dan kewajipan yang diletakkan ke atasnya. Ini bersumberkan dari al-Qur'an dan Hadis Nabi SAW. Dalam al-Qur'an Allah SWT berfirman dalam Surah an-Nisa': 58,

Maksudnya: “ Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila

kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah SWT dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat”.

Dan hadis Nabi SAW, yang diriwayatkan oleh Ahmad,

Maksudnya: “ Dan tidak beriman bagi seseorang yang tidak amanah”.

Islam Hadhari meletakkan amalan tadbir urus yang baik dan adil serta amanah kepada semua lapisan rakyat. Pengurusan negara yang cekap, adil dan amanah, (tidak boros dan perbelanjaan berhemah) akan melahirkan negara yang baik, maju, dan dirahmati Allah SWT sebagaimana ditegaskan dalam al-Qur'an Surah Saba' : 15,

Maksudnya: “ Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba' satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur)”. Yang terletak disebelah kanan dan disebelah kiri (Kariah mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): “makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya: (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun”.

Sekiranya sesebuah negara itu berjaya melahirkan pemimpin yang adil dan amanah, nescaya kehidupan rakyatnya juga akan teratur dan ditadbir dengan baik. Sifat amanah merupakan tunjang utama setiap kepimpinan kerana ia memberi petanda bahawa seseorang itu dapat menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang.

2.3 Ketiga: RAKYAT BERJIWA MERDEKA

Salah satu prinsip utama pendekatan Islam Hadhari ialah mewujudkan rakyat yang berjiwa merdeka. Antara ciri jiwa merdeka ialah berfikiran kreatif dan inovatif. Masyarakat yang berjiwa merdeka dapat melahirkan buah fikiran yang dinamik dan positif sehingga mampu melahirkan idea-idea baru yang bermanfaat bagi memartabatkan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam al-Qur'an Surah al-Isra': 70,

Maksudnya: "Dan sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas makhluk-makhluk yang telah kami ciptakan".

Masyarakat hendaklah mengatasi belenggu pemikiran yang terjajah, bersikap terbuka kepada kemajuan dan perubahan orang lain, tidak bersikap jumud dalam menghasilkan pemikiran berdaya maju dan menolak amalan-amalan negatif yang boleh menyebabkan jiwa terus terbelenggu.

Masyarakat yang berjiwa merdeka bukanlah masyarakat yang terlepas daripada peraturan undang-undang dan etika, sebaliknya asas-asas murni itu hendaklah digunakan sebagai landasan membangunkan masyarakat dan negara yang teguh dan utuh.

Setiap potensi anggota masyarakat harus digerakkan sebijaksana mungkin sehingga mampu memartabatkan jatidiri, imej keluarga, integriti masyarakat, keutuhan negara berasaskan patriotisme yang tinggi dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi.

Individu berjiwa merdeka harus mampu melakukan pilihan dan membuat saringan serta bersikap terbuka terhadap faktor dari luar lingkungan budaya dan tradisi yang tidak bercanggah dengan nilai etika dan sejagat yang sifatnya menyumbang terhadap pembangunan tamadun mengikut acuan kita sendiri.

Makna jiwa merdeka bukan hanya terletak pada slogan atau pernyataan luaran semata-mata tetapi lebih daripada itu menuntut pengorbanan dan keperluan bekerja bersungguh-sungguh ke arah menyumbang dan membangunkan negara.

Rakyat bererti golongan yang dipimpin. Mereka adalah golongan yang ditadbir, diurus dan dijaga oleh pemimpin yang dilantik. Dalam perspektif Islam Hadhari, pengertian rakyat dalam prinsip 'rakyat berjiwa merdeka' harus lebih luas meliputi seluruh warga negara sama ada mereka itu pemimpin atau rakyat.

Jiwa pula bermaksud seluruh unsur dalaman yang membina diri manusia. Ia meliputi aspek pemikiran iaitu perbuatan berfikir dan difikir dan aspek perasaan iaitu emosi.

Merdeka membawa makna kebebasan. Kebebasan yang dimaksudkan oleh Islam Hadhari ialah kebebasan yang dibimbing oleh agama, norma dan undang-undang ke arah kehidupan yang sesuai dengan kehendak Allah SWT.

Agama akan memastikan seseorang itu sentiasa berada di atas landasan yang tepat mengikut kehendak Yang Mencipta. Norma pula adalah nilai yang disepakati oleh masyarakat yang menjadikan seseorang yang terikat dengan norma akan dihormati oleh ahli masyarakat. Undang-undang akan memastikan segala perbuatan seseorang itu tidak menyebabkan kemudaratan kepada sesuatu dan memastikan kita sentiasa dilindungi hak yang sepatutnya. Undang-undang digubal oleh pemerintah dan diperkuat dengan hukuman yang akan dikuatkuasakan ke atas mereka yang melanggarnya.

Jiwa merdeka bermaksud perasaan, pemikiran dan fizikal yang bebas daripada belenggu sesuatu yang menghalang seseorang berfikir, berbicara ataupun bertindak tanpa batasan. Namun begitu, kebebasan tersebut harus berada dalam lingkungan agama, norma dan undang-undang. Belenggu yang dimaksudkan di atas ialah rasa rendah diri, takut, malas, cukup dengan apa yang ada dan sebagainya yang mengikat sesuatu hasrat.

Oleh yang demikian, 'rakyat berjiwa merdeka' bermaksud warga negara yang perasaan dan pemikirannya bebas untuk melakukan sesuatu. Tiada sebarang belenggu atau halangan dalam diri mereka untuk berkeaktiviti. Mereka juga tiada rasa terbeban sama ada secara langsung atau tidak langsung.

2.4 Keempat: PENGUASAAN ILMU PENGETAHUAN

Kemampuan menguasai ilmu pengetahuan secara integratif boleh menjadikan kita memiliki kekuatan pengetahuan semasa yang pelbagai supaya kecemerlangan intelektual dapat dikembangkan, kekuatan peribadi dapat ditampikan dan ketangkasan jasmani dapat dibangunkan. Proses ini perlu bagi melahirkan insan seimbang dan harmonis seperti yang terdapat dalam matlamat Falsafah Pendidikan Negara kita. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam al-Qur'an Surah al-Mujaadalah: 11,

Maksudnya: "Dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu)—beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan".

Dalam mana-mana sejarah masyarakat yang maju dan bertamadun, ianya tidak akan berlaku tanpa menjadikan ilmu sebagai sumbernya. Tamadun Baghdad dan Tamadun Andalusia menjadi contoh nyata bagaimana ilmu yang integratif mampu menyumbang ke arah pembangunan tamadun Barat dan Timur.

Dalam menghadapi cabaran globalisasi dan cabaran semasa, faktor ilmu integratif, kemajuan sains dan teknologi sewajarnya menjadi fokus bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang bukan sahaja mempunyai ilmu dan ketrampilan tetapi juga memiliki nilai-nilai murni yang sifatnya menyumbang kepada pembangunan negara, bangsa dan manusia sejagat.

Melalui pengukuhan ilmu fardu ain yang dilengkapi dengan penguasaan ilmu fardu kifayah, hasrat untuk mencapai kecemerlangan terbuka luas. Melalui sistem pendidikan yang melengkapinya dengan dwi pengkhususan dan 'double major' pula, kita boleh melahirkan sumber tenaga yang mampu menerajui program pembangunan negara dan ummah.

Usaha penggalian dan penerokaan serta penemuan ilmu sains dan teknologi amat digalakkan dalam tradisi Islam. Amat disedari bahawa umat Islam ketinggalan dalam penguasaan sains dan teknologi pada masa kini. Sewajarnya usaha pengkajian dan penyelidikan (tadabbur) dijadikan matlamat keilmuan supaya asas pembangunan intelek, rohani dan jasmani dapat berlaku secara seimbang, menyeluruh dan teratur. Ini bertepatan dengan firman Allah dalam Surah a-li 'Imraan: 190,

Maksudnya: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal".

2.5 Kelima: PEMBANGUNAN EKONOMI SEIMBANG DAN KOMPREHENSIF

Dalam usaha untuk memajukan negara, aspek ekonomi turut sama diberi keutamaan oleh Islam. Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif memberikan satu pendekatan yang menggabungkan usaha memantapkan

BIBLIOGRAFI

Abdul Kadir, Zainal Abidin. 2004. *Pembudayaan Islam Hadhari di Malaysia; Satu Ulasan*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia.

t.p.. 7 Febuari 2005. "Islam Hadhari". <http://www.islam.gov.my>.

Baba, Sidek. 12 Julai 2004. "Mengenal Islam Hadhari". <http://www.yadim.com.my>
<http://www.islamhadhari.net~article>

Abd. Al-Hamid Mohsin. 1996. *Tajdid al-Fikr al-Islami*. U.S.A.

Al-Bahi, Muhammad. 1971. *al-Fikr al-Islami fi Tatawwurihi*. Kaherah.

Qutb, Sayyid. 1967. *Ma'alim fi al-Tariq*.

Abd. Majid, Muhamad Kamil. 2004. 'Islam Hadhari Dari Perspektif Pemikiran Islam'. (Kertas kerja). *Seminar Antarabangsa Islam Hadhari* anjuran Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur. 24 –25 Nov.

Al-Qaradawi, Yusuf. 2000. *Hajat al-Basyariyyah ila al-Risalah al-Hadhariyyah li Ummatina*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Qaradawi, Yusuf. 1997. *al-Sahwah al-Islamiyyah wa Humum al-Watan al-Arabi wa al-Islami*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Abu Sulayman, Abd. Al-Hamid. 1994. *Azmah al-Aql al-Muslim*. U.S.A.

Mat Diah, Abdul Halim. 2004. 'Peranan Intelektual Islam Dalam Penerapan Islam Hadhari'. (Kerta kerja). *Seminar Antarabangsa Islam Hadhari* di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 24-25 Nov

M. Periasamy. 2004. *Malaysia Sebuah Negara Islam Menurut Perspektif Warga Bukan Islam*. Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia.

Muhammad Uthman El-Muhammady. 2004. *Islam Hadhari Melahirkan Saintis dan Teknokrat Muslim Penggerak Tamadun Umat*. Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia.

A. Hamid Ismail. 2004. *Islam Hadhari: Kongsu Kuasa dan Perpaduan Ummah*. Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia.

Faisal Hj. Othman. 2004. *Islam Hadhari: Masalah Anjakan Paradigma Pemikiran Islam*. Jabatan Hal Ehwal Khas Kementerian Penerangan Malaysia.

Soal Selidik
Kajian Awal Persepsi Masyarakat Islam Terhadap Islam Hadhari
Kolej Universiti Islam Malaysia

Arahan Kepada Responden

Bagi soalan-soalan 1 hingga 20, sila bulatkan jawapan anda mengikut gred yang telah ditetapkan di bawah :-

1. Sangat Tidak Setuju 2. Tidak Setuju 3. Tidak Pasti 4. Setuju 5. Sangat Setuju

Bagi soalan 21 sila tandakan (/) di dalam kotak yang telah disediakan.

1.	Sebelum konsep Islam Hadhari diperkenalkan oleh pihak Kerajaan, saya belum pernah mendengar atau mempunyai pengetahuan tentang konsep ini.	1	2	3	4	5
2.	Buat masa sekarang saya masih belum mempunyai gambaran yang jelas mengenai Islam Hadhari.	1	2	3	4	5
3.	Pada pandangan saya, konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Kerajaan merupakan gimik politik semata-mata.	1	2	3	4	5
4.	Islam Hadhari adalah kesinambungan dari dasar Islamisasi Kerajaan sebelum ini seperti Penerapan Nilai-Nilai Islam, Bersih Cekap Amanah, Masyarakat Madani dan lain-lain.	1	2	3	4	5
5.	Pada pandangan saya, konsep Islam hadhari diperkenalkan untuk meningkatkan pemahaman dan penghayatan masyarakat terhadap Islam.	1	2	3	4	5
6.	Pada pandangan saya, konsep ini diperkenalkan untuk mewujudkan persepsi yang betul terhadap Islam dalam menghadapi arus dunia global dan semasa agar umat Islam tidak ketinggalan.	1	2	3	4	5

7.	Pada pandangan saya, Kerajaan harus komited dalam pembangunan konsep Islam Hadhari di Malaysia dan bukan memperjuangkannya pada masa-masa tertentu sahaja.	1	2	3	4	5
8.	Pada pandangan saya, keclaruan terhadap prinsip ini timbul kerana terdapat orang yang kurang pengetahuan atau berkepentingan cuba memberi penerangan tentang konsep Islam Hadhari kepada masyarakat.	1	2	3	4	5
9.	Setelah konsep Islam Hadhari diperkenalkan saya telah mencari maklumat melalui pertanyaan atau membuat pembacaan tambahan untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan dengan konsep ini.	1	2	3	4	5
10.	Sekiranya terdapat usaha untuk memberi penerangan yang lebih lanjut mengenai konsep Islam Hadhari saya akan mengikuti program tersebut.	1	2	3	4	5

Pihak Kerajaan telah menggariskan sepuluh prinsip yang menjadi asas kepada konsep Islam Hadhari. Nyatakan pandangan anda terhadap prinsip ini.

11.	Melalui prinsip " Keimanan dan Ketakwan Kepada Ilahi " saya fikir ia cukup untuk memantapkan kefahaman umat Islam khususnya dan masyarakat amnya mengenai konsep Islam Hadhari.	1	2	3	4	5
12.	Melalui prinsip " Kerajaan Adil dan Beramanah " saya fikir ia cukup untuk memantapkan kefahaman umat Islam khususnya dan masyarakat amnya mengenai konsep Islam Hadhari.	1	2	3	4	5
13.	Melalui prinsip " Rakyat Berjiwa Merdeka " saya fikir ia cukup untuk memantapkan kefahaman umat Islam khususnya dan masyarakat amnya mengenai konsep Islam Hadhari.	1	2	3	4	5

14.	Melalui prinsip “ Penguasaan Ilmu Pengetahuan ” saya fikir ia cukup untuk memantapkan kefahaman umat Islam khususnya dan masyarakat amnya mengenai konsep Islam Hadhari.	1	2	3	4	5
15.	Melalui prinsip “ Pembangunan Ekonomi Seimbang dan Komprehensif ” saya fikir ia cukup untuk memantapkan kefahaman umat Islam khususnya dan masyarakat amnya mengenai konsep Islam Hadhari.	1	2	3	4	5
16.	Melalui prinsip “ Kehidupan Berkualiti ” saya fikir ia cukup untuk memantapkan kefahaman umat Islam khususnya dan masyarakat amnya mengenai konsep Islam Hadhari.	1	2	3	4	5
17.	Melalui prinsip “ Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita ” saya fikir ia cukup untuk memantapkan kefahaman umat Islam khususnya dan masyarakat amnya mengenai konsep Islam Hadhari.	1	2	3	4	5
18.	Melalui prinsip “ Keutuhan Budaya dan Moral ” saya fikir ia cukup untuk memantapkan kefahaman umat Islam khususnya dan masyarakat amnya mengenai konsep Islam Hadhari.	1	2	3	4	5
19.	Melalui prinsip “ Pemeliharaan Alam Semulajadi ” saya fikir ia cukup untuk memantapkan kefahaman umat Islam khususnya dan masyarakat amnya mengenai konsep Islam Hadhari.	1	2	3	4	5
20.	Melalui prinsip “ Kekuatan Pertahanan ” saya fikir ia cukup untuk memantapkan kefahaman umat Islam khususnya dan masyarakat amnya mengenai konsep Islam Hadhari.	1	2	3	4	5

